
Rujukan Kami : UTM.J.17.03.04.01/10.12/22 (42)
Tarikh : 9 Jun 2025

NOTIS KEPADA PELAJAR BIL. 4/2025
PERMOHONAN KOLEJ KEDIAMAN PELAJAR KANAN BAGI SESI 2025/2026

Semua Pelajar

Universiti Teknologi Malaysia
81310 Johor Bahru
Johor

Sukacita dimaklumkan bahawa Unit Residen akan membuka tawaran kekosongan penempatan di kolej kediaman kepada pelajar kanan bagi Sesi 2025/2026. Maklumat permohonan adalah sepertimana berikut:

1.0 Penempatan Pelajar di Kolej Kediaman

- 1.1 Keutamaan penginapan di kolej kediaman diberikan kepada pelajar prasiswazah tempatan **baharu** sesi 2025/2026.
- 1.2 Permohonan kolej kediaman bagi pelajar prasiswazah kanan, pelajar pascasiswazah kanan dan pelajar antarabangsa adalah tertakluk kepada kekosongan di kolej kediaman.
- 1.3 Pelajar PALAPES dan pelajar SUKSIS akan ditempatkan di kolej kediaman seperti berikut:
 - 1.3.1 Pelajar PALAPES
 - 1.3.1.1 Perempuan: Blok L12, Kolej Tun Hussein Onn
 - 1.3.1.2 Lelaki: Blok MA5, Kolej Tun Dr. Ismail
 - 1.3.2 Pelajar SUKSIS
 - 1.3.2.1 Perempuan dan Lelaki: Kolej Tuanku Canselor

2.0 Permohonan Kolej Kediaman

2.1 Syarat Permohonan Kolej Kediaman:

- 2.1.1 Pemohon merupakan pelajar UTM dan masih berstatus **aktif pada semester 2 sesi 2024/2025**.
- 2.1.2 Permohonan melalui rakan adalah tidak dibenarkan.

- 2.1.3 Pelajar yang akan menjalani latihan industri atau latihan mengajar pada Semester 1 Sesi 2025/2026 dan berhasrat untuk menginap di kolej kediaman boleh mengemukakan permohonan secara dalam talian.

2.2 Kaedah Permohonan Kolej Kediaman

- 2.2.1 Permohonan adalah secara dalam talian melalui sistem utmhostel yang boleh dilayari melalui portal pelajar MyUTM.
- 2.2.2 Manual permohonan boleh dirujuk pada Lampiran 2.
- 2.2.3 Semua bilik yang dipaparkan dalam sistem adalah tertakluk kepada ketersediaan semasa. Pelajar dinasihatkan meneliti pilihan kolej dan jenis bilik yang ingin dipohon.

2.3 Tarikh Permohonan Kolej Kediaman

- 2.3.1 Tarikh permohonan kolej kediaman bagi pelajar prasiswazah kanan tempatan adalah seperti berikut:

Jenis Pelajar	Tarikh	Masa
Prasiswazah Kanan Tempatan	24 Jun 2025 – 27 Jun 2025	Bermula jam 9.00 pagi pada 24 Jun 2025

- 2.3.2 Sekiranya masih terdapat kekosongan setelah tempoh permohonan kolej kediaman bagi pelajar prasiswazah kanan tempatan ditutup, kekosongan di kolej kediaman akan dibuka kepada pelajar pascasiswazah kanan tempatan dan pelajar antarabangsa pada tarikh seperti berikut:

Jenis Pelajar	Tarikh	Masa
Pascasiswazah Kanan Tempatan dan Pelajar Antarabangsa	30 Jun 2025 – 3 Julai 2025	Bermula jam 9.00 pagi pada 30 Jun 2025

2.4 Senarai Kolej Kediaman yang Ditawarkan

- 2.4.1 Tiga (3) kolej kediaman akan terlibat dengan kerja naik taraf dan tidak akan dibuka sepanjang sesi 2025/2026. Blok yang terlibat adalah seperti berikut:

Bil.	Kolej Kediaman	Blok
1.	Kolej Tun Hussein Onn	Semua blok kecuali L12
2.	Kolej Tun Dr. Ismail	Semua blok kecuali MA5 (Blok MA5 akan dijadikan blok pelajar lelaki)
3.	Kolej Tun Razak	K21, K22, K23, K24, K26, K27, K29

- 2.4.2 Senarai kolej kediaman yang ditawarkan adalah seperti di **Lampiran 1**.

3.0 Hal-Hal Lain

- 3.1 Pelajar yang tidak berjaya mendapat penempatan perlu mengosongkan bilik dan memulangkan kunci selepas tamat Semester 2 Sesi 2024/2025. Pelajar boleh membuat rayuan pada 13 Oktober 2025 – 17 Oktober 2025 melalui e-mel atau hadir sendiri ke kolej kediaman yang dipohon. Kelulusan adalah tertakluk kepada kekosongan.
- 3.2 Sebarang pindaan adalah tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa. Untuk pertanyaan lanjut, sila hubungi pihak kolej kediaman berkaitan atau Unit Residen, UTM.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH”

Saya yang menjalankan amanah,



(YULIE NURAFNIE BINTI ABD MAJID)

Ketua Unit Residen
Seksyen Perkhidmatan
Bahagian Pengurusan Aset
Jabatan Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
UTM Johor Bahru

- s.k
- Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
 - Pengarah Keselamatan

SENARAI KOLEJ YANG DITAWARKAN DAN KADAR SEWA KOLEJ KEDIAMAN SESI 2025/2026

Kolej	Jantina	Jenis Bilik	Kadar Sewa/Hari		
			Pelajar Tempatan	Pelajar A/Bangsa	Pelajar IDP UTMSPACE
Kolej Rahman Putra (KRP)	Siswa dan siswi	Seorang	RM6.00	RM15.00	RM12.00
		Berdua	RM4.00	RM12.00	RM8.00
	Siswa	Seorang dengan bilik air	RM8.00	RM20.00	RM20.00
Kolej Tun Fatimah (KTF)	Siswi	Seorang eksekutif	RM30.00	RM30.00	RM 30.00
		Seorang dengan bilik air	RM8.00	RM20.00	RM20.00
		Seorang	RM6.00	RM15.00	RM12.00
		Berdua	RM4.00	RM12.00	RM8.00
Kolej Tun Razak (KTR)	Siswa dan Siswi	Seorang	RM6.00	RM15.00	RM12.00
		Berdua	RM4.00	RM12.00	RM8.00
	Siswa	Seorang dengan bilik air	RM8.00	RM20.00	RM20.00
Kolej Tuanku Canselor (KTC)	Siswa dan siswi	Seorang	RM6.00	RM15.00	RM12.00
		Berdua	RM4.00	RM12.00	RM8.00
Kolej Perdana (KP)	Siswi	Seorang	RM6.00	RM12.00	RM12.00
		Berdua	RM4.00	RM10.00	RM8.00
Kolej 9 & 10 (K9&10)	Siswa dan siswi	Seorang	RM6.00	RM12.00	RM12.00
		Berdua	RM4.00	RM10.00	RM8.00
Kolej Datin Seri Endon (KDSE)	Siswa dan siswi	Seorang	RM6.00	RM12.00	RM12.00
		Berdua	RM4.00	RM10.00	RM8.00
Kolej Dato Onn Jaafar (KDOJ)	Siswa dan siswi	Seorang	RM6.00	RM12.00	RM12.00
		Berdua	RM4.00	RM10.00	RM8.00

CARA-CARA MEMOHON UTM HOSTEL MELALUI SISTEM MY UTM

1 Sign In

2 Systems & Apps
List by category
Academic
• Course Registration
• Amendment
• E-Learning
• ePortfolio
• **Student Portal**
• Academic Award
• ODL

3 Hostel
Application
Change Room / College
Family House Application
Passport / Visa Update (International Student)

4 Confirmation
Application for
College : KTF - KOLEJ TUN FATIMAH
Room Type : Bilik Berdua
H02 - 01-103
H02 - 01-103
H02 - 01-104
H02 - 01-105
H02 - 01-106

5 Hostel Application for 202520261
Show 10 entries
Search:
College Room Type Gender Availability Action
1 KTF - KOLEJ TUN FATIMAH Bilik Berdua F OPEN
2 K9&10 - KOLEJ 9 & 10 Bilik Berdua F OPEN
Showing 1 to 2 of 2 entries
Previous 1 Next

6 Delete?
To delete this application
Session : H02 - 01 - 103
College : K9&10 - KOLEJ 9 & 10
Room Type : DOUBLE ROOM

7 Are You Sure?
To Change this application
Session : 27/05/2025
College : KTF - KOLEJ TUN FATIMAH
Room Type : DOUBLE ROOM

8 Hostel Application History
Show 10 entries
Search:
College Room Type Block/Room Application Date Session Action
1 KTF - KOLEJ TUN FATIMAH DOUBLE ROOM H02 - 01 - 103 27/05/2025 202520261
Showing 1 to 1 of 1 entries
Previous 1 Next

1) Log masuk ke MyUTM.

2) Pergi ke *Student Portal*.

3) Tekan tab *Hostel* dan pergi ke *Application*.

4) Pilih jenis Hostel dan Nombor Bilik yang diinginkan dari *list* yang dipaparkan.

5) Seorang pelajar hanya tertaluk pada satu permohonan sahaja.

*Pelajar yang telah mendapat nama dibawah kuota aktif akan ditetapkan biliknya secara automatik.

6) Untuk penukaran bilik atau kolej, sila tekan *change application*.

7) Untuk buang permohonan, sila tekan *remove application*.

8) Emel akan dihantar tanda permohonan berjaya.